

**PRESTASI KERJA GRADUAN UKUR BAHAN PADA PANDANGAN PIHAK
MAJIKAN**

ROSLINA BINTI KARTIMON

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2008

ABSTRAK

Prestasi kerja yang cemerlang merupakan aset bernilai bagi graduan ukur bahan di alam pekerjaan. Prestasi kerja adalah berkaitan tahap kecemerlangan graduan dalam kerjayanya berdasarkan kriteria-kriteria terpilih yang dijadikan ukuran. Kriteria-kriteria tersebut adalah kualiti kerja, kuantiti kerja, pengetahuan dalam bidang kerja, kemahiran berkomunikasi, inisiatif, kebolehpercayaan, semangat kerja berpasukan dan personaliti. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi pihak majikan terhadap prestasi kerja graduan ukur bahan dan langkah-langkah oleh majikan bagi meningkatkan prestasi kerja mereka. Responden yang dipilih adalah majikan firma perunding juruukur bahan yang mempunyai juruukur bahan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan dan berumur antara 22 hingga 30 tahun. Kaedah pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang diagihkan kepada 90 majikan firma perunding ukur bahan di Johor Bahru dan Kuala Lumpur melalui pos dan serahan tangan. Namun begitu, hanya 26 set sahaja borang soal selidik yang diterima kembali. Data di analisis dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)*. Kaedah menganalisis data adalah berdasarkan kaedah Statistik Frekuensi dan Skala Pemeringkatan Likert min purata. Hasil kajian mendapati bahawa, dalam semua kriteria yang dinyatakan di atas, tahap prestasi graduan adalah pada tahap yang memuaskan. Justeru, langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi kerja graduan perlu diambil. Langkah-langkah yang mendapat purata skor antara 3.50-4.50 (utama) dan 4.50-5.00 (paling utama) diklasifikasikan sebagai langkah yang ketara mempengaruhi prestasi pekerja. Antara langkah-langkahnya ialah pemberian tanggungjawab kerja yang sama rata, pemberian masa untuk menyiapkan kerja yang munasabah, memberi ganjaran sampingan seperti bonus, kenaikan pangkat dan gaji, komunikasi dengan pekerja, menyediakan peralatan dan kemudahan yang optimum di pejabat, memberi pendidikan dan latihan berkaitan dengan tugas seorang juruukur bahan, dan memotivasikan pekerja.

ABSTRACT

Excellent work performance is the valuable assets for quantity surveying graduates in work place. Work performance is an indicator for workers brilliance level. The indicators for job evaluation are quality of work, quantity of work, knowledge in work, communication skill, initiative, reliability, teamwork and personality. The objective of this research are to identified the employer's perception regarding the quantity surveyor's work performance and the solution taken by the employers to improve the graduate's performace. The respondents that has been chosen are the employer of quantity surveying firm which employed a degree quantity surveyor graduates aged between 22 till 30 years old . Questionnaires were used to achieve the objectives of this research. Ninety sets of questionnaire were distributed to the respondents in Johor Bahru and Kuala lumpur by mail and by hand. Only 26 sets of questionnaire were returnable. Data from the questionnaires were analyzed by using *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. The methods of analyzing are based on Frequency Statistics, Likert Scaling and mean. The finding shows that the level of graduate's performance is satisfied. Hence, an action to improve the level of graduate's performance must be taken. The actions that should be taken by the employer are giving task fairly, giving reasonable dateline for every task, giving bonus, increase wages and official title, communicate with workers, prepare optimum equipments and facilities in the office, giving training and education related to their profession and motivate the workers.